



## KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

KP(BS)8591/Jld.VIII / (74)

2 Mei1997

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

### **SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 3/1997 : Program dan Aktiviti Sekolah Yang Melibatkan Dasar Dan/Atau Pungutan Wang**

Kementerian Pendidikan amat menghargai usaha serta inisiatif Jabatan Pendidikan Negeri untuk menjalankan pelbagai program dan aktiviti bagi kebajikan dan faedah murid di sekolah. Namun demikian, terdapat di antara program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah/Bahagian atau sekolah itu yang membangkitkan rasa tidak puas hati, rungutan dan bantahan dariapda para ibu bapa, penjaga dan juga masyarakat umum, lazimnya dalam hal-hal yang berkaitan dengan soal dasar, rasional dan pungutan wang.

2. Surat Pekeliling Ikhtisas ini dikeluarkan dengan tujuan memperingatkan semua Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah/Bahagian dan sekolah supaya sentiasa merujuk dan mematuhi dasar, syarat atau peraturan yang sedia ada apabila ingin melaksanakan apa jua program atau aktiviti di sekolah. Ini adalah bagi mengelakkan sebarang percanggahan dengan mana-mana dasar, syarat atau peraturan yang ditetapkan mengenainya.

3. Dalam keadaan di mana program atau aktiviti yang hendak dijalankan itu tidak tertakluk di bawah mana-mana syarat atau peraturan yang sedia ada, atau timbul keraguan mengenai bidang kuasa, hak atau peruntukan sah mengenainya, maka permohonan bagi mendapatkan persetujuan dan kelulusan hendaklah dikemukakan terlebih dahulu kepada Kementerian Pendidikan. Semua permohonan hendaklah mengandungi maklumat lengkap mengenai program atau aktiviti yang hendak dijalankan.

4. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua pihak yang berkenaan di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah/Bahagian dan sekolah.

Sekian. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**(DATUK MATNOR DAIM)**  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

Kementerian Pendidikan Malaysia, Paras 7, Blok J, Pusat Bandar Damansara, 50604 Kuala Lumpur

Tel : 03-2556900 Fax : 03-2535150

Dilustrasi kembali oleh Ahmad Faris bin Johan, Unit ICT, Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia

- s.k
1. Y.B. Datuk Seri Mohd Najib b. Tun Haji Abdul Razak  
Menteri Pendidikan Malaysia
  2. Y.B. Datuk Haji Mohd. Khalid b. Mohd. Yunus  
Timbalan Menteri Pendidikan
  3. Y.B. Datuk Dr. Fong Chan Onn  
Timbalan Menteri Pendidikan
  4. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  7. Ketua-Ketua Bahagian  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  8. Ketua Unit Perhubungan Awam  
Kementerian Pendidikan Malaysia